



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERMASALAHAN RUMAH TANGGA DI KALANGAN SUAMI ISTERI:  
KAJIAN KES DI PEJABAT AGAMA ISLAM  
DAERAH HULU LANGAT,  
SELANGOR**

**NURUL HASYIMAH BINTI MAT RANI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA SAJINS SOSIAL (PSIKOLOGI KAUNSELING)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**

**2010**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

10 Jun 2010

  
NURUL HASYIMAH BINTI MAT RANI  
P 45486



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan rumahtangga di kalangan suami isteri yang membuat aduan masalah rumahtangga di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAID Hulu Langat). Antara faktor demografi yang dikaji adalah seperti jantina, umur, tempoh perkahwinan, status aduan, kehadiran sesi rundingcara dan kaunseling, tahap pendidikan, jenis pekerjaan serta pendapatan pasangan suami isteri yang telah membuat aduan masalah rumahtangga di PAID Hulu Langat. Pengkaji telah menggunakan metodologi kajian kes dengan kaedah analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian ini telah dijalankan di Unit Undang-Undang Keluarga di PAID Hulu Langat dan sebanyak 261 fail aduan masalah kekeluargaan telah dianalisa bagi memenuhi tujuan kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa permasalahan yang sering wujud dalam hubungan suami isteri yang membuat aduan di PAID Hulu Langat adalah seperti pengabaian nafkah zahir dan batin, masalah kewangan, komunikasi, suami atau isteri yang panas baran dan memukul pasangan atau anak, suami atau isteri yang mengabaikan tanggungjawab kepada pasangan dan anak, kecurangan dan wujudnya pihak ketiga, poligami, masalah berjudi, arak, dadah dan ganja, masalah akhlak, masalah seksual, campur tangan keluarga, suami menganggur dan tidak bekerja tetap serta suami yang meninggalkan isteri. Daripada kajian yang dijalankan, sebanyak 55.2 peratus daripada keseluruhan pasangan suami isteri yang membuat aduan masalah rumahtangga di PAID Hulu Langat mengambil keputusan untuk bercerai dan membubarkan perkahwinan mereka. Selain itu, sebanyak 59.8 peratus suami atau isteri atau kedua-dua pasangan suami isteri yang hanya hadir pada sesi pertama dan kedua sesi rundingcara dan kaunseling di PAID Hulu Langat dan kebanyakannya hanya bertujuan untuk memenuhi prosedur mahkamah bagi proses penceraian.



## MARITAL PROBLEM AMONG SPOUSE: CASE STUDY AT PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

### ABSTRACT

This research was done in order to recognize marital problem among husbands and wives who has made report at Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAID Hulu Langat). Demographic factors that were studied include gender, age, duration of marriage, status of report, number of counselling session, level of education, type of occupation and income of the couple. This research used case study method using document analysis as a data collection. The research carried out in PAID Hulu Langat and there were 261 files had been analysed to achieve the objective of this research. Result showed that the problems include neglection of obligation, financial, communication, personality, unemployment, gambling, drug abuse and others. According to the research, about 55.2 percent couples who made report in PAID Hulu Langat decided to divorce. Apart from that, about 59.8 percent of the couple only attended the first and second counselling session in order to fullfill the procedure for their divorce.

## KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii

### BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Kesignifikanan Kajian	6
1.5	Kajian Lepas	7
1.6	Teori Konflik	22
1.7	Definisi Konsep	24
	1.7.1 Perkahwinan	24
	1.7.2 Penceraihan	24
	1.7.3 Konflik	25
1.8	Kesimpulan	25

### BAB II METODOLOGI

2.1	Pengenalan	26
2.2	Reka Bentuk Kajian	26
2.3	Tempat Kajian	27
2.4	Subjek Kajian	28
2.5	Tata Cara Pengumpulan Data	28
2.6	Analisis Data	29
2.7	Kesimpulan	29

**BAB III KEPUTUSAN**

3.1	Pengenalan	30
3.2	Analisis Faktor Demografi	30
3.2.1	Jantina Pengadu	31
3.2.2	Jantina Pihak Yang Diadu	31
3.2.3	Umur Pengadu	32
3.2.4	Umur Pihak Yang Diadu	33
3.2.5	Tempoh Perkahwinan	34
3.2.6	Status Aduan	35
3.2.7	KehadiranSesi	36
3.2.8	Pendidikan Pengadu	37
3.2.9	Pendidikan Pihak Yang Diadu	38
3.2.10	Jenis Pekerjaan Pengadu	39
3.2.11	Jenis Pekerjaan Pihak Yang Diadu	40
3.2.12	Pendapatan Pengadu	41
3.2.13	Pendapatan Pihak Yang Diadu	42
3.3	Permasalahan yang wujud dalam hubungan suami isteri	43
3.3.1	Aduan Terhadap Suami	43
3.3.2	Aduan Terhadap Isteri	45

**BAB IV PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	47
4.2	Analisis Faktor Demografi	47
4.2.1	Jantina	47
4.2.2	Umur	48
4.2.3	Tempoh Perkahwinan	49
4.2.4	Status Aduan dan Kehadiran Sesi Rundingcara	50
4.2.5	Pendidikan	52
4.2.6	Pekerjaan	53
4.2.7	Pendapatan	54
4.3	Jenis permasalahan yang wujud dalam hubungan suami isteri	55
4.4	Kesimpulan	66



**BAB V****PENUTUP**

5.1	Pengenalan	67
5.2	Rumusan Kajian	67
5.3	Implikasi Kajian	70
5.4	Limitasi Kajian	71
5.5	Saranan Kajian	72
5.6	Kesimpulan	73

**RUJUKAN**

74

**LAMPIRAN**

A	Kebenaran Menjalankan Kajian di PAID Hulu Langat	77
B	Contoh Borang Aduan	78



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
1.1 Statistik perkahwinan seluruh Malaysia	8
1.2 Statistik penceraian seluruh Malaysia	10
1.3 Statistik penceraian di Negeri Selangor	12
3.1 Jantina pengadu	31
3.2 Jantina pihak yang diadu	31
3.3 Umur pengadu	32
3.4 Umur pihak yang diadu	33
3.5 Tempoh perkahwinan	34
3.6 Status aduan	35
3.7 Kehadiran sesi rundingcara dan kaunseling	36
3.8 Pendidikan pengadu	37
3.9 Pendidikan pihak yang diadu	38
3.10 Jenis pekerjaan pengadu	39
3.11 Jenis pekerjaan pihak yang diadu	40
3.12 Pendapatan pengadu	41
3.13 Pendapatan pihak yang diadu	42
3.14 Aduan terhadap suami	43
3.15 Aduan terhadap Isteri	45



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Setiap individu mempunyai naluri untuk berpasangan dan berkasih sayang. Rasa kasih dan sayang antara dua individu berlainan jantina dapat disalurkan melalui sebuah perkahwinan yang sah dan diiktiraf oleh agama. Perkahwinan merupakan perjanjian antara lelaki dan perempuan bagi menghalalkan hubungan kelamin dengan syarat tertentu dalam bentuk kekal. Perkahwinan juga mempunyai objektif tertentu bagi pasangan iaitu bagi memelihara kehormatan diri dalam melaksanakan tuntutan dan kewajipan agama. Perkahwinan juga dapat mewujudkan ikatan kasih sayang di antara suami isteri. Melalui perkahwinan juga pasangan suami isteri dapat menambah zuriat daripada satu generasi ke generasi seterusnya. Setelah pasangan suami isteri yang telah sah diijabkabulkan perlu menjalankan kewajipan dan tanggungjawab sebagai suami isteri dalam keadaan yang aman damai, harmoni, saling hormat menghormati dan berkasih sayang.

Terdapat hukum-hukum tertentu yang telah digariskan oleh agama Islam berkaitan dengan perkahwinan. Hukum asal perkahwinan adalah harus manakala hukumnya sunat bagi individu yang berkemampuan dari segi zahir dan batin serta mempunyai keinginan untuk berkahwin. Bagi individu yang mempunyai keyakinan bahawa mereka bimbang akan terjerumus ke arah maksiat dan zina maka hukum perkahwinan bagi individu tersebut adalah wajib. Apabila seseorang merasakan dirinya tidak suka atau tidak gemar untuk berkahwin oleh kerana mempunyai penyakit tertentu atau telah lanjut usia atau bagi individu tersebut perkahwinan akan menghalang dirinya untuk menjalankan kewajipan ibadat kepada Allah S.W.T maka



hukum perkahwinan baginya adalah makruh. Hukum perkahwinan akan menjadi haram apabila seseorang merasakan dirinya akan menzalimi isteri atau merasakan perkahwinan akan mendatangkan mudarat baginya kerana dirinya lemah dan tidak mempunyai kemampuan untuk menjalankan hak-hak perkahwinan (Syeikh Ghazali Abd Rahman et. al. 1997).

Setiap individu yang melangsungkan perkahwinan sememangnya akan mengharapkan perkahwinan yang dibina bertahan dan kekal bahagia sehingga ke akhir hayat. Walau bagaimanapun, krisis dan konflik yang berlaku dan tidak ditangani dengan cara yang berkesan menyebabkan ramai pasangan mengambil keputusan untuk menamatkan hubungan suami isteri dan bercerai. Perkahwinan ditamatkan melalui dua cara iaitu melalui penceraian atau pembubaran atau lebih dikenali dengan istilah fasakh. Penceraian sah apabila suami telah melafazkan cerai atau talak kepada isteri dan seterusnya mendaftarkan penceraian tersebut di mahkamah.

Menurut Charlesworth dan Nathan (1982, dalam Mahmood Nazar Mohamed

1992), kadar penceraian antara ibu bapa pada zaman sekarang semakin meningkat.

Hampir setengah daripada perkahwinan di negara-negara barat diakhiri dengan penceraian dan hampir 40 peratus daripada kanak-kanak di negara barat hanya tinggal dengan satu penjaga sama ada kanak-kanak tersebut tinggal bersama ibu atau bapa mereka. Zaman kanak-kanak merupakan zaman terpenting untuk membentuk personaliti diri seseorang. Apabila berlaku penceraian ibu bapa maka kanak-kanak akan kekurangan kasih sayang sama ada daripada ibu atau bapa mereka. Keadaan ini akan memberi kesan kepada personaliti mereka contohnya dari segi penghargaan kendiri, konsep kendiri dan sebagainya.

Menurut Muhammad Asri Abdullah (2005, dalam Rosmah Dain 2005), telah mendefinisikan konflik sebagai situasi hubungan, komunikasi, peranan, sikap dan reaksi pasangan yang tidak selari dengan gambaran yang ada pada pasangan bahawa alam perkahwinan adalah tenang dan harmoni. Pasangan suami isteri perlu mengetahui dan mendalami kemahiran menguruskan konflik rumah tangga bagi mengelakkan situasi yang boleh mendatangkan salah faham dalam hubungan suami isteri. Kemahiran yang boleh dipelajari oleh pasangan adalah seperti mengenalpasti





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



3ptbupsi

faktor penyumbang dan punca berlakunya konflik dalam hubungan pasangan suami isteri.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada konflik dalam perkahwinan seperti tidak mempunyai persediaan yang lengkap mengenai kehidupan dan alam berumahtangga sama ada dari segi persediaan mental, fizikal, rohani, ekonomi dan sosial. Selain itu kebanyakan pasangan suami isteri tidak mengetahui tanggungjawab dan hak suami isteri seperti dalam hal yang berkaitan dengan hubungan kelamin, hubungan dengan keluarga mertua dan jiran tetangga. Keadaan ekonomi keluarga juga menjadi punca yang menyumbang kepada konflik dalam rumah tangga.

Menurut Amran Kasimin (1993), perkahwinan merupakan sesuatu perbuatan yang murni di mana perkahwinan merupakan anugerah yang berharga bagi pasangan suami isteri dalam membina mahligai yang harmoni. Perkahwinan memberi peluang kepada individu bagi membentuk komuniti kecil dalam rumah tangga dan dalam masa yang sama perkahwinan bertujuan untuk memenuhi naluri manusia sebagai pasangan suami isteri.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



3ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



3ptbupsi



## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Setiap individu mempunyai keinginan untuk hidup berpasangan dan perkahwinan merupakan cara yang sah dalam menghalalkan hubungan antara individu berlainan jantina. Tidak semua pasangan yang berkahwin akan kekal bahagia hingga ke akhir hayat. Terdapat pasangan yang mengakhiri hubungan perkahwinan mereka dengan bercerai walaupun penceraian merupakan sesuatu perkara yang sangat dibenci oleh Allah S.W.T.

Walau bagaimana pun, bagi isteri yang mengalami penderaan dan penganiayaan oleh suami yang tidak bertanggungjawab maka bagi mereka penceraian lebih bermakna dan lebih baik daripada mengekalkan perkahwinan yang penuh dengan penderitaan dan kesengsaraan. Terdapat juga isteri yang ditinggalkan oleh suami tanpa khabar berita serta tidak diberikan nafkah zahir dan batin maka bagi mereka penceraian juga adalah jalan penyelesaian dalam masalah rumah tangga yang dihadapi.



Permasalahan dan konflik tidak boleh dipisahkan dengan perkahwinan. Setiap pasangan yang berkahwin tidak lari daripada masalah dan konflik di dalam hubungan suami isteri tidak kira sama ada masalah tersebut disebabkan oleh isu kecil atau besar. Terdapat pelbagai sebab yang telah dikenalpasti oleh pengkaji yang menjadi faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga dan paling menyedihkan apabila ramai pasangan yang tidak dapat menyelesaikan konflik yang dihadapi dalam rumah tangga dengan cara yang berkesan serta menyelesaikan konflik tersebut dengan membuat keputusan untuk bercerai.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia, kes penceraian semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2001 jumlah kes di seluruh Malaysia menjangkau sehingga 13,187 kes diikuti 13,841 kes pada tahun 2002. Pada tahun 2004, kes meningkat secara mendadak kepada 15,543 kes dan 16,509 pada tahun 2005. Pada tahun 2005 kes penceraian menjangkau sehingga 13,465 kes. Peningkatan kes penceraian daripada tahun ke tahun semakin



membimbangkan dan keadaan ini perlu dicegah awal agar kes penceraian dapat dikurangkan.

### 1.3    OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian ini bagi memenuhi beberapa objektif utama iaitu:

- i)    Mengkaji faktor demografi terhadap kecenderungan membuat aduan rumahtangga di PAID Hulu Langat.
- ii)    Mengkaji permasalahan yang wujud dalam hubungan suami isteri yang menyebabkan mereka membuat aduan masalah rumahtangga di PAID Hulu Langat.



## 1.4 KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak PAID Hulu Langat bagi menangani kes-kes yang melibatkan masalah perkahwinan. Diharapkan agar pihak PAID Hulu Langat dapat mengesan punca utama yang menyebabkan berlakunya permasalahan atau konflik dalam perkahwinan dan seterusnya punca yang menyebabkan berlakunya penceraian di kalangan masyarakat beragama Islam di Daerah Hulu Langat.

Kajian ini juga dapat memberi gambaran terperinci kepada pasangan suami isteri dalam menengenalpasti punca-punca yang sering menyebabkan berlakunya permasalahan dan konflik di dalam perkahwinan dan seterusnya mereka dapat mencari langkah pencegahan awal daripada berlakunya konflik dalam sebuah perkahwinan.

Kajian ini sangat berguna kepada kaunselor yang menangani isu dan permasalahan dalam perkahwinan di mana mereka dapat mengetahui gambaran awal yang menyebabkan berlakunya konflik dalam sebuah perkahwinan sama ada perkahwinan tersebut masih baru atau telah lama. Kaunselor juga dapat menggunakan maklumat ini dalam membantu mereka mengesan punca berlakunya konflik agar sesi kaunseling yang dijalankan dapat memenuhi matlamat klien. Secara tidak langsung, kaunselor dapat menggunakan intervensi yang bersesuaian dengan masalah klien di dalam sesi yang dijalankan.

Kajian ini juga berguna kepada pihak kerajaan dan bukan kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan agensi-agensi sukarela bagi merancang program-program tertentu kepada masyarakat agar dapat mengurang dan mengelakkan penceraian daripada berlaku umumnya dan khususnya mengelakkan konflik dan permasalahan yang berlaku di dalam rumah tangga. Program-program yang dijalankan perlu membincangkan tentang cara menangani konflik dan permasalahan dalam rumah tangga, persediaan dalam menghadapi hidup berumahtangga dan sebagainya.



## 1.5 KAJIAN LEPAS

Knox (1979), mendefinisikan perkahwinan di Amerika sebagai hubungan antara dua orang dewasa yang berlainan jantina yang membuat keputusan untuk berkomitmen dari segi emosi dan undang-undang untuk hidup bersama. Isu yang sering menjadi sumber kepada konflik perkahwinan adalah seperti isu wang, seks, ipar, aktiviti rekreasi dan masa lapang, rakan-rakan, alkohol, marijuana dan *tobacco*, agama dan anak. Michael Novak (t.th. dalam Knox 1979), menyatakan bahawa jika kualiti kehidupan keluarga semakin merosot, tiada lagi kualiti dalam sebuah kehidupan. Kehidupan berkeluarga sangat penting bagi seseorang individu. Tanpa keluarga sebuah kehidupan tersebut tiada makna.

Menurut Noralina Omar dan Khaidzir Ismail (2004), keluarga merupakan agen sosialisasi yang paling asas bagi membentuk individu yang mempunyai akhlak yang baik dan mulia. Proses perkembangan individu sangat penting dalam sebuah keluarga di mana proses tersebut menentukan keperibadian seseorang individu apabila individu tersebut mencecah usia remaja dan dewasa kelak. Proses yang berlaku dalam sebuah keluarga dan dinamika yang wujud dalam keluarga tersebut akan menentukan sama ada keluarga tersebut dapat bertahan dan kukuh dalam keadaan aman harmoni atau keluarga tersebut berantakan dan porak peranda hingga menyebabkan berlakunya perpecahan dan penceraian.

Sejak zaman penjajah lagi kriteria antara suami isteri telah dibahagikan secara tidak langsung. Isteri berada di rumah untuk memasak, menjaga anak dan menguruskan perihal kerja-kerja rumah manakala suami pula keluar bekerja untuk memperolehi sumber ekonomi untuk menyara keluarga. Kini kriteria tersebut telah berubah mengikut arus globalisasi dan permodenan. Isteri mula mendapat pendidikan yang tinggi sehingga ke tahap universiti dan mula menjawat jawatan di organisasi sama ada kerajaan atau swasta. Sumber ekonomi keluarga mula disalurkan oleh kedua-dua pihak sama ada suami atau isteri. Kos kehidupan yang semakin meningkat dari hari ke hari menyebabkan isu kewangan turut menjadi isu utama yang menyebabkan berlakunya pergaduhan antara suami siteri. Berlaku juga keadaan di mana suami yang mempunyai pendapatan yang rendah jika dibandingkan dengan



isteri. Terdapat juga suami yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau tidak bekerja. Apabila keadaan ini berlaku maka ia menimbulkan konflik antara suami dan isteri tersebut sehingga terdapat sebahagian daripada mereka yang mengambil keputusan untuk menamatkan hubungan perkahwinan dan membuat keputusan untuk bercerai.

Menurut Noller & Callan (1991) peratusan pasangan yang berkahwin dan berkecenderungan untuk bercerai di Negara Eropah, Australia dan Britain adalah sehingga 30 peratus hingga 45 peratus. Di Amerika Syarikat hampir 49 peratus daripada jumlah perkahwinan akhirnya berakhir dengan penceraian. Berdasarkan statistik juga hampir 80 peratus daripada pasangan yang bercerai akhirnya berkahwin semula. Peratusan di atas menunjukkan semakin hari semakin banyak penceraian berlaku di mana-mana negara dan situasi ini perlu dibendung agar masyarakat di negara kita mengamalkan keluarga bahagia dan harmoni.

Di Malaysia jumlah perkahwinan meningkat tetapi penceraian juga semakin meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan penceraian di Malaysia merupakan satu petunjuk bahawa masyarakat di negara kita semakin kurang prihatin kepada nilai sebuah keluarga dan nilai perkahwinan yang sangat dimuliakan oleh agama Islam. Perkahwinan dan institusi kekeluargaan sangat perlu dipelihara dan dipulihara bagi mengekalkan rakyat Malaysia yang berakhlek dan berperibadi mulia kerana keluarga merupakan asas utama bagi individu dalam proses tumbesaran mereka yang positif dan lancar.

Jadual 1.1 Statistik perkahwinan seluruh Malaysia

Tahun	Jumlah
1990	84,616
1991	85,659
1992	93,667
1993	95,117
1994	99,420
1995	106,624
1996	104,856

bersambung...





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi 9

...sambungan

1997	96,874
1998	92,972
1999	88,154
2000	94,055
2001	91,489
2002	95,182
2003	102,062
2004	112,262
2005	113,132
2006	114,812
2007	131,086
2008	130,314



05-4506832



pustaka upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2010

Setiap tahun jumlah perkahwinan menunjukkan kadar turun naik dari tahun ke tahun. Daripada tahun 1990 hingga 2008. Pada tahun 1990 hanya 84,616 didaftarkan di Malaysia dan diikuti 85,659 pada tahun 1991. Seterusnya jumlah tersebut meningkat kepada 93,667 pada tahun 1992. Pada tahun 1993 pula jumlah perkahwinan mencapai angka 95,117 dan diikuti 99,420 pada tahun 1994. Pada tahun 1995 jumlah perkahwinan meningkat sehingga 106,624 dan menurun sedikit kepada jumlah 104,856 pada tahun 1996. Pada tahun 1997 pula berlaku penurunan ke angka 96,874 diikuti 92,972 pada tahun 1998. Pada tahun 1999 jumlah perkahwinan di seluruh negara menurun dengan lebih rendah sehingga ke angka 88,154. Seterusnya jumlah perkahwinan mengalami kadar turun naik di mana pada tahun 2000 angka tersebut meningkat sedikit kepada 94,055 dan kemudiannya turun sedikit pada tahun 2001 ke angka 91,489. Pada tahun 2002 pula jumlah tersebut meningkat sehingga 95,182 dan naik mendadak ke angka 102,062 pada tahun 2003. Kenaikan jumlah perkahwinan berterusan dari tahun 2004 hingga 2006 iaitu pada angka 112,262,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



113,132 dan 114,812. Kenaikan mendadak pada tahun 2007 dan 2008 hingga ke angka 131,086 dan 130,314.

Jadual 1.2 Statistik penceraian seluruh Malaysia

Tahun	Jumlah
1990	11,194
1991	11,310
1992	11,207
1993	11,643
1994	11,637
1995	11,474
1996	11,053
1997	11,777
1998	13,317
1999	13,155
2000	13,605
2001	13,278
2002	13,841
2003	15,544
2004	16,505
2005	17,749
2006	19,463
2007	20,529
2008	22,289

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2010

Walau bagaimanapun, jumlah penceraian juga meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 1990 sahaja jumlah penceraian berada pada angka 11,194 dan diikuti 11,310 pada tahun 1991. Pada tahun 1992 hingga ke tahun 1997, kadar penceraian agak setara iaitu pada jumlah 11,207 hingga 11,777. Seterusnya pada tahun 1998, kadar penceraian meningkat ke angka 13,317 dan agak setara sehingga tahun 2002 iaitu pada jumlah 13,841. Pada tahun 2003, angka tersebut meningkat sehingga ke





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



11

ptbupsi

jumlah 15,544 dan terus meningkat ke angka 16,505 pada tahun 2004. Jumlah tersebut meningkat dari tahun ke tahun iaitu ke angka 17,749 pada tahun 2005, 19,463 pada tahun 2006, 20,529 pada tahun 2007 dan 22,289 pada tahun 2008. Kadar penceraian yang meningkat amat ketara dirasakan di mana pada beberapa tahun kebelakangan ini penceraian semakin menjadi kebiasaan di kalangan masyarakat islam di negara kita. Peningkatan kadar penceraian akan terus meningkat jika tidak ditangani daripada awal. Institusi keluarga yang semakin rapuh tidak boleh dibiarkan berterusan dan perlu dibendung agar tidak berleluasa. Keluarga merupakan institusi penting dalam masyarakat tetapi jika tidak dijaga dan dipelihara dengan sebaik mungkin banyak kemungkinan yang boleh terjadi seperti peningkatan masalah gejala sosial di kalangan remaja, kurang kasih sayang dan didikan keluarga kepada kanak-kanak, masalah ibu tunggal yang terabai dan sebagainya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



### Jadual 1.3 Statistik penceraian di Negeri Selangor

Tahun	Jumlah
1990	918
1991	1,264
1992	460
1993	937
1994	1,318
1995	1,103
1996	1,333
1997	1,102
1998	1,454
1999	1,568
2000	2,075
2001	1,878
2002	1,977
2003	3,158
2004	3,136
2005	3,030
2006	3,295
2007	3,722
2008	3,558

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2010

Selangor mencatat angka paling banyak bagi kes penceraian di Malaysia. Berdasarkan statistik di Negeri Selangor jumlah penceraian semakin meningkat di mana pada tahun 1990 hanya 918 kes penceraian didaftarkan dan jumlah tersebut meningkat sehingga 3,558 kes pada tahun 2008. Peningkatan yang begitu besar dalam jangkamasa 18 tahun menunjukkan bahawa kes penceraian perlu dibendung segera. Berdasarkan statistik tersebut dapat kita rumuskan bahawa masyarakat Islam di Malaysia kini semakin ramai mengambil keputusan untuk bercerai. Penceraian semakin menjadi kebiasaan di Malaysia. Kalau dulu dalam masyarakat kita, sebuah hubungan perkahwinan akan dipertahankan sehingga ke nafas terakhir tetapi kini



masyarakat kita semakin mudah menamatkan hubungan perkahwinan. Institusi kekeluargaan yang semakin rapuh ini membimbangkan banyak pihak sama ada pihak individu, masyarakat dan negara. Jika penceraian tidak dibendung daripada awal berkemungkinan pada suatu masa nantu nilai sebuah perkahwinan dan keluarga akan dianggap remeh dan tidak bernilai kepada masyarakat. Jika penceraian tidak ditangani segera berkemungkinan pada suatu masa perkahwinan tidak lagi dianggap bermakna dan keluarga tidak penting lagi bagi masyarakat di negara kita.

Duvell (1997), menyatakan bahawa penceraian adalah jalan untuk menamatkan sebuah hubungan perkahwinan antara suami isteri. Selain daripada penceraian, hubungan suami isteri boleh tamat apabila berlakunya kematian salah seorang pasangan sama ada suami atau isteri atau kedua-duanya, penamatan melalui undang-undang dan perpisahan. Apabila hubungan suami isteri telah ditamatkan, secara langsung mereka biasanya akan tinggal berasingan dan membawa hala tuju masing-masing. Ada juga pasangan yang berbaik semula atau dalam islam dipanggil rujuk dan ada yang terus berpantang arang dan langsung tidak bertegur sapa antara satu sama lain. Ada pasangan yang masih boleh bersahabat atas alasan untuk kepentingan anak-anak dan tidak mahu permusuhan antara kedua-dua ibu bapa akibat penceraian memberi kesan negatif kepada psikologi dan emosi anak-anak.

Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1992), tekanan hidup juga berpunca daripada masalah keluarga seperti interaksi yang tidak berkesan dalam sesebuah keluarga. Dalam sesebuah keluarga, tiada atau kurang komunikasi juga menyumbang kepada masalah keluarga dan seterusnya menjadi penyumbang kepada tekanan dalam kehidupan. Tekanan merupakan perkara yang perlu dielakkan dan ditangani dengan sebaik mungkin. Tekanan yang tidak ditangani dengan cara yang baik boleh menyebabkan seseorang melakukan sesuatu di luar kawalan diri seperti memukul, membunuh diri dan sebagainya. Kebanyakan pasangan suami isteri mengambil keputusan untuk mendiamkan diri, menarik diri daripada perbincangan, memencarkan diri serta memendam perasaan. Apabila masalah yang dihadapi semakin rumit dan tekanan yang disimpan semakin bertambah maka mereka akan mencari jalan keluar yang dirasakan sesuai bagi diri mereka seperti mengambil keputusan untuk bercerai dan menamatkan hubungan suami isteri.

Gejala sosial juga banyak dikaitkan dengan institusi keluarga yang rapuh dan anak-anak yang menjadi mangsa penceraian. Bagi kanak-kanak, institusi keluarga merupakan asas utama bagi mereka dan perkembangan kanak-kanak di peringkat awal merupakan penyumbang utama kepada keperibadian dan personaliti pada peringkat remaja. Institusi keluarga yang baik dan positif sangat penting bagi kanak-kanak agar mereka dapat membentuk personaliti yang positif dan menghindarkan mereka daripada terjebak kepada gejala sosial yang semakin berleluasa pada zaman sekarang. Kehidupan yang serba mencabar pada masa kini memerlukan anak-anak yang berjiwa kental, berpesonaliti positif dan berakhhlak mulia bagi menghindarkan mereka daripada terpengaruh dengan gejala yang negatif dan tidak baik.

Kajian yang dijalankan oleh Tam Cai Lian (2008), menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara konflik perkahwinan dan kesihatan mental. Apabila pasangan suami isteri menangani konflik dan masalah yang wujud dalam perkahwinan dengan baik, secara tidak langsung akan menghasilkan kesihatan mental yang baik. Konflik dan masalah dalam perkahwinan perlu ditangani dengan baik agar kesihatan mental pasangan yang berkahwin sentiasa dapat dikenalkan dalam keadaan baik dan mengelakkan tekanan di kalangan pasangan suami isteri. Kajian ini juga menunjukkan bahawa cara mengendalikan konflik dan masalah yang wujud antara suami isteri juga berkait rapat dengan pasangan mereka. Apabila salah satu pihak memberikan respon secara kekerasan sama ada secara fizikal, verbal atau gangguan psikologi maka pasangan juga akan cenderung untuk bertindak balas dengan cara kekerasan. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden lebih menyukai cara kurang kekerasan dalam menyelesaikan konflik dengan pasangan seperti berbincang dan membawa seseorang untuk membantu menyelesaikan masalah.

Cara menangani konflik juga berkait rapat dengan kepuasan perkahwinan. Kajian yang dijalankan oleh Jennifer (2007), menunjukkan bahawa jika seseorang menggunakan cara negatif dalam menangani konflik, secara tidak langsung pasangannya juga cenderung untuk menggunakan strategi konflik yang negatif. Sebaliknya pula jika seseorang individu tersebut menggunakan cara positif dalam menangani konflik, pasangannya juga cenderung untuk menggunakan strategi konflik yang positif. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kekerapan konflik berlaku



dikaitkan dengan keseriusan penerimaan dalam berhujah antara pasangan dan keputusannya konflik tersebut akan dapat dileraikan. Kekerapan konflik tersebut dapat dileraikan pula dikaitkan dengan penurunan terhadap penerimaan tahap keseriusan sesuatu topik yang dihujah dan diperbahaskan. Dalam kajian ini juga kepuasan perkahwinan dikaitkan dengan skor yang tinggi dalam strategi konflik yang positif dan skor yang rendah dalam strategi konflik yang negatif.

Kepercayaan antara pasangan sangat penting dalam sebuah perhubungan suami isteri. Kajian yang telah dijalankan oleh Rosnah Ismail (2001), menunjukkan pasangan suami isteri daripada keluarga Bajau mempunyai kepercayaan kepada pasangan dalam menguruskan rumah tangga di mana isteri memberi kepercayaan sepenuhnya kepada suami mencari sumber rezeki di laut manakala suami memberikan kepercayaan kepada isteri menguruskan anak-anak dan mendidik anak-anak. Berdasarkan kepercayaan antara satu sama lain dapat mengurangkan masalah dan konflik di dalam hubungan suami isteri dan interaksi di dalam keluarga. Kepercayaan antara pasangan dalam sebuah perhubungan sangat penting agar suami isteri rasa dihargai dan merasakan diri mereka diperlukan dalam perhubungan suami isteri. Kepercayaan antara suami isteri perlu ada dalam hubungan perkahwinan agar hubungan tersebut terus utuh, penuh dengan kesetiaan dan tidak dikhianati dengan kecurangan sama ada dari segi pengurusan keluarga atau perhubungan suami isteri.

Noller dan Callan (1991), juga menyatakan bahawa penceraian memberi kesan kepada bukan sahaja pasangan suami isteri malah kepada anak-anak. Penceraian menyebabkan berlakunya perubahan dalam keluarga dan memberi tekanan kepada kehidupan. Anak-anak perlu berubah bagi menyesuaikan keadaan setelah ibu bapa bercerai dan perlu berusaha keras bagi memastikan hubungan antara kedua ibu bapa terus terjalin. Penceraian ibu bapa yang berlaku khususnya kepada anak-anak yang sedang menjalani tempoh keremajaan akan menambahkan tekanan kepada mereka yang sedang membesar seterusnya mereka akan memberontak dan akhirnya mengambil jalan singkat dengan terlibat dengan gejala sosial seperti jenayah jalanan, bohsia, lari dari rumah, dadah, ponteng dan sebagainya. Kepesatan ekonomi dan kemodenan yang berlaku di negara kita menyebabkan remaja pada zaman sekarang terlalu mudah untuk terdedah dengan pelbagai gejala negatif yang tidak baik



terutamanya bagi remaja yang sedang menghadapi masalah di rumah dan menjadi mangsa penceraian ibu bapa.

Menurut Kasmini Kassim (1998), penceraian merupakan tempoh yang sangat genting bagi anak-anak. Dalam tempoh penceraian berlakunya konflik antara ibu bapa, percaduhan, dan keganasan rumahtangga. Dalam keadaan konflik antara ibu bapa, anak-anak turut menjadi mangsa terutamanya anak-anak yang masih kecil dan kesannya biasanya tidak dapat dilihat secara lahiriah. Anak-anak akan rasa tertekan secara emosi walaupun kesannya tidak ketara. Apabila berlaku penceraian pula, anak-anak menjadi mangsa perebutan antara kedua ibu bapanya dan keadaan ini akan menambah tekanan kepada mereka. Terdapat segelintir anak-anak yang tidak dapat mengendalikan tekanan akibat penceraian ibu bapa mereka menyebabkan ramai di antara mereka merasa terpinggir dan memberi kesan kepada mental, fizikal dan emosi mereka terutamanya bagi anak-anak yang masih kecil. Terdapat kanak-kanak yang menjadi terlalu pasif akibat tekanan hasil penceraian ibu bapa dan ada segelintir kanak-kanak yang menjadi terlalu aktif kerana mahukan perhatian ibu bapa yang semakin luntur setelah berlaku penceraian.

Siti Zulaika Mohd Noor (2003), telah membahagikan masalah rumahtangga kepada beberapa kategori seperti ekonomi, peribadi (fizikal dan emosi), seks dan sosial. Setiap perkahwinan memerlukan pasangan memenuhi keperluan ekonomi berupa nafkah terutamanya bagi pihak suami di mana suami perlu menyediakan nafkah yang mencukupi bagi keperluan anak dan isteri. Masalah yang sering melibatkan ekonomi adalah seperti suami yang tidak menyediakan keperluan nafkah yang mencukupi, isteri yang sering meminta melebihi kemampuan suami, suami yang mempergunakan harta isteri dan sikap saling berkira dalam menguruskan ekonomi keluarga apabila kedua-dua pihak bekerja.

Bagi kategori peribadi pula adalah berkait rapat dengan sikap dan tingkah laku emosi dan fizikal pasangan suami isteri. Contoh sikap dan tingkah laku emosi adalah suami atau isteri terlalu cemburu, panas baran dan garang. Sikap dan tingkah laku fizikal pula seperti masalah kesihatan dan ketidakupayaan fizikal suami isteri

contohnya isteri mendapat penyakit dan menyebabkan tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya sebagai isteri di rumah.

Masalah rumahtangga yang termasuk dalam kategori seksual pula adalah seperti masalah ketidakseimbangan apabila menjalinkan hubungan intim suami isteri dan dalam menjalinkan hubungan seksual. Sebagai contoh apabila suami mempunyai keinginan seksual yang tinggi tetapi isteri sering menolak untuk menjalinkan hubungan seksual. Selain itu, pengetahuan yang cetek berkenaan kepuasan seksual menyebabkan pasangan sering tidak dapat menikmati kepuasan seksual dan pasangan yang mempunyai hubungan seksual dengan individu lain juga termasuk dalam kategori ini.

Kategori sosial yang sering menyebabkan berlakunya masalah rumahtangga pula apabila melibatkan pergaulan sosial suami isteri sama ada dengan keluarga kedua belah pihak, sikap suka bergaul bebas dan berfoya-foya, tiada masa terluang bersama pasangan dan anak serta kurang kemesraan antara suami isteri.

Menurut Kasmini Kassim (1998), data daripada Klinik Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1986 hingga 1990 menunjukkan 6.6 peratus kes yang dirawat untuk pelbagai masalah psikiatri adalah daripada golongan kanak-kanak yang menjadi mangsa penceraian ibu bapa.

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999), isu yang kerap menjadi penyebab kepada berlakunya konflik suami isteri adalah seperti isu gaya komunikasi, seks, cemburu, kerja rumah dan wang. Konflik berlaku apabila wujudnya pertengkaran disebabkan perbezaan pendapat dan kehendak antara suami isteri. Jika pertengkaran tersebut berterusan dan tiada cara yang berkesan bagi menangani pertengkaran yang berlaku, isu yang menjadi topik pertengkaran akan menjadi semakin besar dan akhirnya pasangan suami isteri mengambil keputusan untuk bercerai.

Menurut Blumstein dan Schwartz (1983, dalam Salina Nen 2003), masalah kewangan tidak signifikan kepada semua pasangan berkahwin tetapi isu kewangan

merupakan antara topik perbincangan utama di kalangan suami isteri. Jumlah wang yang dimiliki oleh pasangan dan bagaimana mereka membelanjakan wang tersebut menjadi dua aspek yang mempengaruhi bagaimana mereka melalui kehidupan bersama. Perbezaan sikap berhubung dua aspek tersebut menyebabkan wujudnya konflik yang serius

Terdapat beberapa kajian yang mengkaji tentang hubungan antara perkahwinan dan komunikasi . Di antaranya ialah hasil kajian yang dijalankan oleh Salina Nen (2003), menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan antara gaya konflik individu berdasarkan tahap pendidikan iaitu tahap sijil, diploma dan ijazah. Melalui pendidikan yang diterima oleh individu mereka akan mendapat pendedahan yang lebih meluas kepada ilmu pengetahuan, dan kemahiran. Melalui pendidikan yang lebih tinggi individu dapat meningkatkan tahap pemikiran mereka kepada sebab dan akibat sesuatu perkara berbanding individu yang kurang terdedah kepada pendidikan.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Noor Huda Adin (2000), telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara komunikasi dan kebahagiaan perkahwinan di mana kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor komunikasi berkorelasi secara positif dengan kebahagiaan perkahwinan. Berdasarkan kajian ini dapat disimpulkan bahawa komunikasi sangat penting dalam hubungan perkahwinan di mana komunikasi yang berkesan antara pasangan suami isteri sangat penting dalam perhubungan sehari-hari dan perlu dijaga sebaik mungkin bagi mengekalkan kebahagiaan sesebuah perkahwinan.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Flores (2008), apabila kurangnya konflik dalam sebuah hubungan perkahwinan kepuasan perkahwinan akan bertambah. Selain itu kajian ini juga menunjukkan bahawa sumber konflik dalam keluarga Latino juga berpunca daripada hubungan pasangan dengan wanita lain di luar rumah. Daripada kajian ini dapat diketahui bahawa kecurangan pasangan adalah salah satu sumber konflik dalam permasalahan rumahtangga di kalangan suami isteri. Konflik yang kurang dalam sebuah perkahwinan perlu dikekalkan dan setiap konflik yang berlaku perlu ditangani dengan bijak. Pemikiran yang matang dan sentiasa positif perlu ada dalam hubungan suami isteri agar dapat menilai setiap masalah yang



wujud dalam perhubungan dengan cara yang berkesan dan seterusnya menjamin kepuasan perkahwinan antara suami isteri.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Buehlman et al. (1992), 52 pasangan yang berkahwin mendapati ramai pasangan suami isteri yang tidak mahu berkomunikasi dengan pasangan mereka kerana mereka mempunyai pandangan dan persepsi yang berbeza mengenai masalah yang berlaku. Ramai pasangan juga yang merasakan bahawa mereka terpinggir dan kesunyian kerana mereka tidak mendapat sokongan daripada pasangan mereka sendiri atau orang lain. Di dalam sebuah rumahtangga apabila wujudnya percanggahan pendapat dan pandangan yang sering tidak selari maka pasangan suami isteri akan mengehadkan dan mengelak berlakunya komunikasi antara mereka. Apabila kurangnya komunikasi antara suami isteri, salah satu pihak atau kedua-dua pihak akan rasa terabai dan tidak diambil peduli antara satu sama lain justeru konflik mula bertambah dan menyebabkan mereka mula menyimpan perasaan tidak puas hati antara satu sama lain. Apabila konflik yang wujud tidak ditangani dengan baik maka akan wujud jurang pemisah antara suami isteri dan menyebabkan rumahtangga berantakan dan penceraian adalah jalan yang dipilih oleh pasangan suami isteri.

Menurut Asiah Ali et al. (2008), komunikasi merupakan suatu interaksi antara suami isteri sama ada lisan atau bukan lisan. Komunikasi juga adalah satu bentuk perkongsian antara dua pihak di mana pihak yang pertama merupakan penyampai mesej dan pihak yang kedua pula merupakan penerima mesej tersebut. Dalam berkomunikasi pemahaman antara kedua-dua pihak yang berkomunikasi sangat penting. Di dalam hubungan suami isteri, persefahaman sangat penting untuk pasangan saling memahami dalam apa sahaja isu yang berlaku dalam hubungan suami isteri. Kebanyakan pasangan yang berkonflik selalunya tidak bersefahaman dan menyebabkan mereka sukar berkomunikasi dengan berkesan seterusnya mereka akhirnya membuat keputusan untuk menamatkan hubungan secara bercerai.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Saedah A. Ghani (2004), terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kebahagiaan pekahwinan dengan kefahaman komunikasi di kalangan pasangan suami isteri dan hubungan tersebut adalah



hubungan yang positif. Semakin tinggi kefahaman emosi suami dan isteri maka semakin tinggi kebahagiaan perkahwinan mereka. Begitu juga sebaliknya di mana semakin rendah kefahaman emosi pasangan suami isteri semakin rendah kebahagiaan yang dicapai dalam perkahwinan. Kajian ini telah dijalankan di Pusat Kaunseling MAINS Seremban di mana subjek kajian terdiri daripada 61 suami isteri yang datang mendapatkan khidmat kaunseling di pusat tersebut. Subjek kajian terdiri daripada individu yang berumur 25 tahun dan ke atas. Menerusi kajian ini dapat dirumuskan bahawa kefahaman komunikasi antara pasangan perlu dipraktikkan agar hubungan suami isteri mencapai kebahagiaan dan keharmonian sepanjang hayat.

Kajian yang telah dijalankan oleh Thurnher et.al (1983), di San Francisco dan County Clerk terhadap 333 orang lelaki dan perempuan yang berumur antara 20 hingga 79 tahun menunjukkan bahawa jantina, umur, pendidikan, pendapatan, dan jumlah anak merupakan faktor berlakunya penceraian. Faktor tersebut juga merupakan penyumbang kepada konflik dan permasalahan suami isteri dan akhirnya menjadi punca kepada berlakunya penceraian antara pasangan suami isteri. Dalam kajiannya juga umur mempengaruhi penceraian di mana perkahwinan biasanya mempunyai masalah pada umur pertengahan. Pada umur pertengahan konflik mula timbul dalam sebuah perkahwinan dan menyebabkan kecenderungan untuk bercerai.

Siti Zulaika Mohd Noor (2003), terdapat beberapa punca konflik rumah tangga yang sering diadukan di mahkamah syariah seperti masalah ketidaksefahaman pasangan dan sering mengabaikan tanggungjawab suami isteri, campurtangan keluarga mertua sama ada di sebelah isteri atau suami, sikap suami yang bengis dan panas baran, suami atau isteri suka berfoya-foya, isteri bersikap cemburu yang keterlaluan, suami curang dan mempunyai hubungan dengan perempuan lain, suami tidak menyediakan keperluan nafkah, berzina, ketidakseimbangan dalam hubungan seksual, poligami dan isteri tidak dapat memberikan zuriat atau mandul.

Masalah seksualiti juga memberi kesan dalam hubungan suami isteri. Kajian Blumstein dan Schwartz (1983, dalam Salinan Nen 2003) juga menunjukkan bahawa isu seksualiti juga mempengaruhi konflik dalam perkahwinan. Seksualiti merupakan faktor yang menyebabkan pasangan mengekalkan perhubungan di mana aktiviti



seksual yang kurang atau tidak memuaskan mempunyai kaitan dengan konflik. Hasil kajian ini menunjukkan kebanyakan pasangan mendapati bahawa punca kepada keseluruhan perhubungan yang baik adalah berdasarkan kepada kualiti hubungan seksual yang baik di antara pasangan.

Penderaan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pasangan suami isteri mengambil keputusan untuk menamatkan perhubungan dan bercerai. Penderaan berlaku sama ada dalam bentuk penderaan fizikal atau mental. Menurut Zaini Nasohah (2003), perlakuan yang sering dialami oleh golongan suami atau isteri adalah seperti berikut:

- i) Suami tidak pulang ke rumah atau tidak memberikan nafkah asas.
- ii) Suami tidak mempedulikan rawatan kesihatan isteri.
- iii) Suami memukul isteri.
- iv) Suami memaki atau menghina isteri dan sebaliknya.
- v) Isteri tidak menghiraukan keperluan seks suami.
- vi) Isteri lambat atau tidak balik ke rumah kerana sibuk dengan kerjaya.
- vii) Suami berpoligami tetapi tidak berlaku adil.





## 1.6 TEORI KONFLIK

Teori konflik diasaskan berdasarkan Analisis Marxist. Berdasarkan teori ini, dalam kehidupan manusia sentiasa berlaku perselisihan dan pertengkaran dan konflik adalah sesuatu yang semulajadi dan sentiasa berlaku dalam perhubungan manusia. Konflik sukar dielakkan apabila melibatkan hubungan antara individu (Collin 2000).

Menurut Lamanna dan Riedmann (1994), teori konflik merupakan sesuatu isu atau perkara yang dipendam dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat di mana selama ini isu dan perkara tersebut disembunyikan oleh mereka. Walau selama ini keluarga dianggap sebagai persekitaran yang selamat, selesa dan mesra bagi mereka tetapi setelah isu atau perkara yang dipendam tersebut dikeluarkan dan terbongkar akhirnya terjadilah konflik dalam keluarga tersebut.

Lamanna dan Riedmann (1994), juga memperkatakan tentang kuasa yang mana ia merupakan aspek yang dititikberatkan dalam teori konflik. Unsur ketidaksamaan kuasa juga mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan teori ini di mana biasanya lelaki dikatakan lebih berkuasa daripada wanita. Misalnya dalam aspek pembahagian kerja rumah berdasarkan jantina, lelaki dikatakan lebih berkuasa daripada wanita. Apabila berlakunya pembahagian yang lebih menekankan kuasa berdasarkan jantina maka wujudlah perselisihan dan pertengkaran dan akhirnya berlakulah konflik dalam hubungan antara suami isteri dalam sebuah keluarga.

Tidak dapat dinafikan bahawa konflik sememangnya sukar dielakkan dalam perhubungan sesama manusia. Begitu juga yang ditekankan dalam teori konflik dimana konflik ternyata sukar untuk dihindari apabila melibatkan interaksi antara dua individu. Menurut teori konflik, konflik tidak dapat dielakkan kerana berlakunya pengagihan sumber yang tidak adil di antara individu dan berlakunya kekurangan sumber antara individu tersebut. Apabila berlakunya kekurangan dan pembahagian yang tidak adil dalam kehidupan manusia maka setiap individu berkecenderungan untuk mendapatkan semula sumber yang mereka mahukan. Pada masa yang sama individu juga merasakan bahawa mereka layak mendapat sumber dan ganjaran tersebut. Apabila berlaku perebutan dan kecenderungan untuk mendapatkan hak





masing-masing maka timbulah konflik dalam perhubungan antara individu-individu yang terlibat.

Dalam hubungan perkahwinan terdapat dua perkara yang berlaku berhubung dengan pengagihan sumber antara suami isteri. Perkara yang pertama ialah berkenaan dengan siapa yang akan menerima sumber tersebut dan berapa jumlah sumber yang akan diperolehi. Apabila salah seorang terasa mereka berhak mendapat sumber tetapi tidak menerima sumber tersebut maka akan wujudlah perasaan tidak berpuas hati serta rasa permusuhan seterusnya konflik juga akan mula wujud. Apabila ketidakpuasan tersebut tidak ditangani dengan baik maka konflik semakin bertambah dan menjadi semakin melarat.

Begitu juga dalam perhubungan suami isteri di mana apabila berlakunya pembahagian tugas di rumah yang tidak adil dan sering berlaku penindasan kuasa maka suami isteri mula mempertahankan hak masing-masing. Lebih-lebih lagi pada zaman sekarang di mana kedua-dua suami isteri menyumbang kepada ekonomi keluarga dan apabila pengurusan rumah juga perlu diuruskan oleh wanita, maka berlakulah perselisihan. Wanita merasakan mereka juga patut diberi kuasa yang sama seperti lelaki dan mereka cemderung untuk mendapatkan hak tersebut maka berlakulah perselisihan faham antara suami isteri dan akhirnya setelah masing-masing mempunyai ketidakpuasan yang telah lama disimpan maka salah satu pihak membuat aduan rumahtangga seterusnya memfailkan kes penceraian di mahkamah syariah.

Perkara kedua adalah berkenaan dengan pihak yang menentukan siapa yang harus mendapat sumber tersebut. Apabila pihak yang merasakan diri tidak mempunyai kuasa akan memberi tindak balas secara tidak bersesuaian iaitu dengan mewujudkan perasaan tidak puas hati dan permusuhan kepada pihak yang berkuasa. Akhirnya berlakulah konflik antara kedua-dua individu tersebut. Apabila konflik yang wujud tidak ditangani dengan cara yang bersesuaian dan akhirnya menyebabkan ia semakin meruncing dan akhirnya kedua-dua pihak mengambil keputusan untuk mencari jalan keluar daripada masalah tersebut dengan menamatkan perhubungan dan bercerai.





## 1.7 DEFINISI KONSEP

Definisi konsep bertujuan untuk memberi penjelasan yang lebih jelas terhadap istilah yang digunakan dalam kajian ini.

### 1.7.1 Perkahwinan

Menurut Embel & Ember (1996), perkahwinan merupakan penyatuan dari segi seksual dan ekonomi antara lelaki dan perempuan yang telah dipersetujui oleh masyarakat. Melalui perkahwinan, suami isteri akan berkongsi kehidupan antara satu sama lain termasuklah hubungan intin dan ekonomi. Suami isteri saling bertanggungjawab antara satu sama lain dan juga kepada anak-anak yang bakal menyambung zuriat keluarga.

Zuhair (1998, dalam Zana Ruslinda Ujang 2005), pula mendefinisikan perkahwinan sebagai gabungan antara aspek emosi, fizikal dan mental yang akan berdepan dengan ujian dalam sebuah rumah tangga. Dalam sebuah perkahwinan akan wujud kasih sayang dan cinta antara suami isteri dan menghasilkan kebahagiaan dalam rumah tangga dan perhubungan pasangan. Apabila berlakunya kesefahaman dalam peranan antara suami isteri perkahwinan akan bahagia. Daripada definisi tersebut dapat kita fahami bahawa setiap perkahwinan tidak dapat lari daripada masalah dan konflik. Walau bagaimana pun apabila suami isteri saling memahami tanggungjawab dan peranan masing-masing setiap masalah dan konflik dalam perhubungan dan perkahwinan akan dapat diselesaikan dengan baik. Kesefahaman antara kedua-dua pihak amat perlu dititikberatkan dalam perhubungan agar kebahagian rumah tangga akan sentiasa dirasai dan dinikmati.

### 1.7.2 Penceraihan

Penceraihan daripada sudut bahasa bermaksud melepaskan atau menghuraikan ikatan manakala daripada sudut istilah pula penceraihan bermaksud tindakan melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafaz tertentu iaitu talak. Penceraihan merupakan





pembubaran ikatan perkahwinan antara suami isteri yang sah dengan menggunakan lafaz tertentu (Syeikh Ghazali Abd Rahman et. al. 1997).

### 1.7.3 Konflik

Konflik didefinisikan sebagai satu situasi yang ditunjukkan oleh individu yang saling berkait yang berbeza dalam memuaskan keperluan dan kehendak masing-masing. Apabila konflik berlaku individu akan merasai gangguan daripada salah satu pihak dalam mencapai matlamat mereka. Menurut Siti Fatimah dan Haslee Sharil Lee (2006), konflik merupakan bentuk perselisihan faham antara suami isteri yang boleh menganggu keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga. Dapat diringkaskan bahawa konflik perkahwinan merupakan satu situasi yang merupakan perselisihan antara individu yang berbeza kehendak dan keperluan serta menyebabkan kebahagiaan rumah tangga tergugat.



Bab ini menjelaskan tentang beberapa aspek tertentu seperti pengenalan kajian, permasalahan kajian yang menyebabkan pengkaji menjalankan kajian ini. Di samping itu objektif kajian dan kesignifikanan kajian ini dijalankan juga dinyatakan secara jelas dalam bab ini. Kajian lepas juga dinyatakan secara terperinci untuk menunjukkan perkaitan yang jelas dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dalam bab ini juga disertakan pendekatan Teori Konflik bagi menunjukkan perkaitan teori dengan kajian yang dijalankan. Definisi konsep juga disertakan dalam bab ini bagi tujuan untuk memberi penjelasan mengenai konsep dan istilah yang digunakan dalam kajian ini.

